

PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN
GERAN USAHAWAN BANGSA JOHOR 2023 (GUBJ2023)

1. PENGENALAN

- 1.1 Program Geran Usahawan Bangsa Johor 2023 (GUBJ 2023) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor dan dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB).
- 1.2 Nilai bantuan adalah **SEHINGGA RM 10,000.00 sahaja**.
- 1.3 Bantuan ini hanya boleh dimohon oleh usahawan **bertaraf mikro sahaja**.
- 1.4 Mempunyai nilai jualan tahunan kurang daripada RM 300,000.00 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang (merujuk Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) 2013).

2. KLUSTER PERNIAGAAN

- 2.1 Kluster yang **LAYAK** memohon adalah seperti berikut :

2.1.1 Pembuatan dan pemprosesan makanan dan minuman

- Merangkumi pembuatan dan pemprosesan makanan dan minuman.
- Termasuk perniagaan perkhidmatan catering.
- Termasuk penjaja/peniaga kecil.
- Peniaga kopi jalanan (Barista).

2.1.2 Pendidikan

- Merangkumi bidang perkhidmatan yang berkaitan seperti pusat asuhan dan tadika.

2.1.3 Percetakan

- Merangkumi bidang perkhidmatan percetakan

2.1.4 Automotif

- Merangkumi bidang perkhidmatan kenderaan bermotor seperti bengkel motorsikal dan bengkel kereta

2.1.5 Perkhidmatan pengurusan acara

- Merangkumi bidang perkhidmatan pengurusan dan perancangan acara.
- Perkhidmatan seni kreatif seperti pemuzik jalanan atau *band* yang berdaftar

2.1.6 Perkhidmatan Guntingan Rambut

- Merangkumi bidang perkhidmatan dandanan rambut

2.2 Kluster yang **TIDAK LAYAK** memohon adalah seperti berikut:

2.1.1 Elektrik / Plumbing / Kimpalan / Kontraktor

2.1.2 Agro / Perikanan / Penternakan

2.1.3 Jahitan

2.1.4 Pelancongan dan Penginapan

2.1.5 Perabot dan Perkayuan dan Pertukangan

2.1.6 Sukan / Hobi / Kraf

2.1.7 Teknologi Maklumat / Komputer / Gajet

2.1.8 Kewangan / Insurans / Konsultan

2.1.9 Perkhidmatan Perniagaan

2.1.10 Spa dan Kecantikan

2.1.11 Selain daripada yang disenaraikan

2.1.12 Apa jua perniagaan tidak patuh syariah

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Penduduk Tetap Negeri Johor atau mereka yang telah bermastautin di Negeri Johor sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut
- 3.2 Berumur **18 hingga 65** tahun semasa memohon
- 3.3 Mempunyai premis perniagaan atau bengkel atau ruang khas di dalam rumah yang beroperasi di dalam Negeri Johor.

- 3.4 Syarikat yang **BELUM PERNAH** menerima mana-mana bantuan Kerajaan Negeri Johor dalam **tempoh 2 tahun**.
- 3.5 Telah menjalankan perniagaan selama 6 bulan dan ke atas mengikut tarikh pendaftaran SSM.
- 3.6 Mengemukakan salinan **penyata akaun syarikat untuk 1 bulan** terkini atau **1 bulan penyata akaun simpanan peribadi**.
- 3.7 Menyertakan gambar premis, bengkel atau ruang khas bagi perniagaan yang dijalankan.
- 3.8 **Satu syarikat hanya layak untuk satu permohonan sahaja**.
- 3.9 Perniagaan dijalankan sepenuh masa dan beroperasi di dalam Negeri Johor.
- 3.10 **Sila berikan satu (1) sebutharga bagi peralatan / mesin yang dipohon. Sebutharga yang diberikan dijadikan panduan bagi jenis item dan harga dan tidak mengikat pihak PUJB untuk memilih pembekal tersebut.**

4. SKOP BANTUAN

- 4.1.1 Mesin atau peralatan (**sila kepilkan 1 sebutharga daripada pembekal**)
 - 4.1.1.1 Mesin & peralatan yang dimohon tidak dibenarkan untuk penambahan stok dan kegunaan pejabat.
 - 4.1.1.2 Mesin & Peralatan haruslah dapat membantu meningkatkan tahap perkhidmatan sesebuah syarikat.
 - 4.1.1.3 Sebut harga haruslah daripada pembekal yang sah dan tidak boleh diambil daripada *platform* atas talian seperti Lazada, Shopee atau laman e-dagang lain.
 - 4.1.1.4 **Sebut harga perlu mempunyai cop rasmi dan "letterhead" syarikat pembekal.**

5. PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Borang permohonan perlu diisi menerusi laman sistem PADU, <https://www.pujb.my/> dan klik ke menu urus borang dan pilih borang Geran Usahawan Bangsa Johor .
- 5.2 Pastikan dokumen sokongan dimuat naik semasa mengisi borang permohonan menerusi format pdf atau jpeg sahaja iaitu :-

- 5.2.1 1 Sebutharga mesin / peralatan yang berkenaan.
- 5.2.2 Gambar (premis)
- 5.2.3 Salinan kad pengenalan pemohon (Depan dan hadapan dalam satu helaian)
- 5.2.4 Salinan Lengkap SSM (Borang D / E, maklumat perniagaan dan pemilik perniagaan)
- 5.2.5 1 bulan penyata akaun syarikat atau akaun simpanan peribadi yang terkini yang aktif
- 5.3 Setiap mesin & peralatan yang di mohon **TIDAK BOLEH** ditukar selepas membuat permohonan.
- 5.4 Hanya yang **BERJAYA** sahaja akan dihubungi semula melalui email. Pastikan emel aktif dan betul.
- 5.5 Sekiranya tidak mendapat sebarang makluman dari PUJB dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup **permohonan dianggap tidak berjaya.**
- 5.6 Sekiranya terdapat sebarang pemalsuan maklumat atau dokumen sokongan tidak lengkap, permohonan serta merta **TERBATAL.**
- 5.7 Segala keputusan adalah **MUKTAMAD** dan **TIADA RAYUAN DILAYAN.**

6. KAEDAH PERLAKSANAAN OLEH URUSETIA

- 6.1 Saringan Permohonan & Dokumen
- 6.2 Sesi Temuduga
- 6.3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal
- 6.4 Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan
- 6.5 Penyerahan Surat Kelulusan
- 6.6 Penerimaan bantuan mesin dan peralatan

7. PENGESANAN PROJEK

- 7.1 Pemantauan akan dibuat selepas 6 bulan setelah menerima bantuan.

- 7.2 Bagi yang tidak memanfaatkan peruntukan yang diberikan, Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) berhak menyenarai hitam nama usahawan berikut dan menarik balik geran yang diberikan.

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT BOLEH HUBUNGI KAMI DI :

SEKRETARIAT GUBJ 2023
JABATAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
PERBADANAN USAHAWAN JOHOR SDN BHD
NO 24 JALAN ISKANDAR PUTERI 1/3,
ISKANDAR PUTERI COMMERCIAL CENTRE,
TAMAN NUSANTARA PRIMA
81550 GELANG PATAH
JOHOR DARUL TA'ZIM

TEL : 07- 510 2542 (Waktu pejabat sahaja)
Whatsapp : +6011-20755135 (Waktu pejabat sahaja)
E-MEL : jabatanprogram.pujb@gmail.com
FACEBOOK : Perbadanan Usahawan Johor